

28 NOV 2001

Mahathir-Islam

NEGARA-NEGARA ISLAM HARUS DILIHAT SEBAGAI SATU, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta semua negara Islam supaya bersatu agar mereka dapat dilihat sebagai satu.

Dr Mahathir berkata dengan bertindak sedemikian negara-negara Islam dapat mengawal maruahnya, disamping memelihara Islam sebagai agama yang dihormati oleh orang lain.

Saranan ini disampaikan kepada ketua-ketua perwakilan negara Arab yang mengadakan pertemuan dengan beliau di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Pemangku Menteri Luar Datuk Azmi Khalid memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa Dr Mahathir berharap negara-negara Islam tidak akan mengizinkan sikap yang menjurus kepada kepentingan sendiri.

"Negara-negara Islam harus bersatu dan mengambil tindakan sebagai satu badan di bawah OIC (Pertubuhan Persidangan Islam)," katanya.

Azmi berkata Perdana Menteri meminta negara-negara Islam berpegang kepada pendirian yang sederhana tetapi jelas.

Pertemuan yang dihadiri oleh ketua-ketua perwakilan dari 14 buah negara Arab yang terdiri daripada Palestin, Yemen, Emiriyah Arab Bersatu, Algeria, Iraq, Sudan, Arab Saudi, Maghribi, Mesir, Jordan, Syria, Kuwait, Oman dan Libya.

Pertemuan itu yang diadakan atas permintaan para perwakilan negara Arab itu, bermula pada pukul 4 petang dan berlangsung selama satu jam setengah.

Azmi berkata pada pertemuan itu, Duta-Duta negara Arab itu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir mengenai pendiriannya berhubung isu semasa yang berlaku di dunia, khususnya mengenai perkara berkaitan keganasan.

"Selain itu, mereka berbincang mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam dan meminta nasihat serta pendapat Dr Mahathir," katanya.

Perbincangan itu turut menyentuh secara umum mengenai kerjasama, pendirian dan corak OIC, terutamanya selepas peristiwa serangan pengganas pada 11 Sept lepas di New York dan Washington, tambahnya.

-- BERNAMA

AFY HK MOZ